

MENINGKATKAN KEDATANGAN KANAK-KANAK: KISAH KEJAYAAN DARI KLINIK KESIHATAN TO'UBAN



Nik Nazihah NA¹, Noor Efney Z¹, Sharifah J¹, Aminah N¹, Rohani N¹, Munira M²
¹ Klinik Kesihatan To' Uban, Pasir Mas, Kelantan
² Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas, Kelantan

PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN


Kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun di daerah Pasir Mas dari tahun 2019 hingga 2021 melebihi sasaran. Kedatangan yang tetap di fasiliti kesihatan adalah penting untuk memantau kesihatan dan perkembangan kanak-kanak. Namun begitu, walaupun perkhidmatan yang komprehensif telah disediakan di Klinik Kesihatan (KK) To'Uban, kedatangan kanak-kanak berusia 1-4 tahun masih di bawah sasaran 60%.

PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan peratusan kedatangan kanak-kanak berusia 1-4 tahun di KK To'Uban bagi mencapai sasaran 60%.

ANALISIS DAN INTERPRETASI

Verifikasi data menunjukkan kedatangan kanak-kanak berusia 1-4 tahun pada tahun 2021 adalah 23.7%. Antara faktor-faktor penyumbang termasuk kurangnya pemahaman tentang Konsep Doktor Keluarga (35%), liputan telefon yang buruk (17.5%), kurang kefahaman tentang penerangan staf (7.5%), ketidakjelasan temujanji (5%), dan ketidakpatuhan ibubapa terhadap temujanji yang telah diberikan (5%).



Faktor-faktor pelanggan yang menyumbang kepada peratus kedatangan kanak-kanak 1-4 tahun yang rendah di KK To'Uban pada tahun 2021

PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

Projek ini dijalankan di KK To'Uban, melibatkan 40 ibubapa kanak-kanak yang berdaftar dan 29 pekerja kesihatan dari Mei 2022 hingga Februari 2023. Data dikumpul menggunakan buku rekod kedatangan dan soal selidik sendiri diedarkan kepada anggota kesihatan serta ibubapa. Analisa secara deskriptif telah dijalankan menggunakan Microsoft Excel 365.

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

Bertumpu pada peningkatan pengetahuan ibubapa tentang Konsep Doktor Keluarga, intervensi termasuk sesi pendidikan, lawatan rumah, dan program komuniti. Maklum balas ibubapa juga direkodkan untuk memperkemaskini intervensi.

KESAN PENAMBAHBAIKAN

Selepas intervensi, kedatangan melonjak melebihi sasaran kepada 63.0%. Kesedaran ibubapa yang lebih baik, peningkatan tahap aksesibiliti dan kepercayaan terhadap kualiti penjagaan adalah penyumbang penting kejayaan ini.

LANGKAH SETERUSNYA

Kesimpulannya, projek ini berjaya meningkatkan kedatangan kanak-kanak melalui gabungan intervensi dan mengurangkan jurang sebanyak 35.9%. Langkah-langkah penambahbaikan yang telah dilaksanakan ini telah diimplementasikan di seluruh klinik kesihatan dalam daerah Pasir Mas.

RUJUKAN:

1. BPKK (2015), Manual Perkhidmatan Kesihatan Ibu Dan Anak Bagi Anggota Kejururawatan Di Perkhidmatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. BPKK (2017), Garis Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Kanak-kanak Di Klinik Kesihatan & Komuniti, Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. BPKK (2016), Garis Panduan Penyeliaan Program Perkhidmatan Kesihatan Kanak-kanak Di Klinik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Buku Rekod Kesihatan Bayi Dan Kanak-kanak (0-6 tahun) pindaan 2/2011, Kementerian Kesihatan Malaysia
5. Unit Sistem Maklumat Dan Dokumentasi & BPKK (2007), Buku panduan sistem maklumat kesihatan keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia.
6. Abd Jamil A, Izzatur Rahmi MU, Samsiah A, Siti Haniza M, Raja Zarina RS, Normaizira H, Nurkhairah B (2020), QA/QI workbook the problem-solving approach, Kementerian Kesihatan Malaysia.
7. Rusnah, S., & Khalib, L.H. (2013). Factors Contributing to Miss Appointments among 1-4 Years Old Toddlers for Routine Health Care in Government Health Clinics in Peninsular Malaysia. IOSR Journal of Nursing and health Science, 1, 20-24.
8. Little B, Cannon C, Whitson B, Jarolim DR. The failed appointment. J Okla State Med Assoc. 1991 Sep;84(9):455-8. PMID: 1757840.
9. Chariatte V, Berchtold A, Akre C, Michaud PA, Suris JC. Missed appointments in an outpatient clinic for adolescents, an approach to predict the risk of missing. J Adolesc Health. 2008 Jul;43(1):38-45. doi: 10.1016/j.jadohealth.2007.12.017. Epub 2008 Apr 18. PMID: 18565436.